

Pengaruh Pemilikan Asing ke atas Pendedahan Maklumat Alam Sekitar dalam Industri Sawit di Indonesia

(The Influence of Foreign Ownership towards Environmental Information Disclosure in the Oil Palm Industry in Indonesia)

MAIZATULAKMA ABDULLAH, NORADIVA HAMZAH & INTAN MAIZA ABD RAHMAN

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh pemilikan asing ke atas pendedahan maklumat alam sekitar dalam industri sawit Indonesia. Pelabur asing yang dikaji terbahagi kepada tiga kategori iaitu: (i) pelabur dari negara jiran yang merangkumi Singapura, Malaysia, Thailand dan Brunei, (ii) pelabur dari Kesatuan Eropah, dan (iii) pelabur dari negara-negara lain. Sampel kajian ini terdiri daripada syarikat kelapa sawit yang tersenarai di Bursa Efek Indonesia pada tahun 2013 hingga 2017. Jumlah sampel terdiri daripada 100 pemerhatian syarikat kelapa sawit selama 5 tahun. Pendedahan maklumat alam sekitar diambil menerusi kaedah analisis kandungan dalam laporan tahunan syarikat. Kajian ini menguji hipotesis menerusi ujian analisis data panel. Salah satu sumbangan kajian ini adalah membuktikan bahawa pihak pengurusan syarikat menjalankan strategi pelaporan berbeza apabila berdepan dengan pelabur dalam kategori berbeza. Pihak pengurusan syarikat menjalankan strategi legitimasi apabila berdepan dengan pelabur dari Kesatuan Eropah yang merupakan negara yang paling kuat memberi tekanan ke atas industri sawit. Namun, bertindak mengurangkan pelaporan maklumat tertentu apabila berdepan dengan pelabur dari negara-negara lain. Dapatan kajian ini memberi sumbangan signifikan dalam usaha meningkatkan kelestarian industri sawit menerusi pembuktian kategori pelabur yang mempunyai pengaruh dalam meningkatkan ketelusan pelaporan maklumat dan seterusnya membantu memantau aktiviti syarikat kelapa sawit yang boleh memudaratkan alam sekitar. Dapatan ini juga dijangka berguna dalam membantu penetapan polisi yang berkait dengan pelaburan asing agar industri sawit bukan sahaja mendapat akses kepada sumber modal tetapi juga dapat menangani masalah pencemaran alam.

Kata kunci: Industri sawit; pemilikan asing; pendedahan maklumat; alam sekitar; Indonesia

ABSTRACT

The main objective of this study is to examine the influence of foreign ownership on the environmental information disclosure in oil palm industry in Indonesia. Foreign investors are divided into three categories: (i) investors from neighbouring countries involving Singapore, Malaysia, Thailand and Brunei; (ii) investors from European Union; and (iii) investors from other countries. The samples of this study consist of oil palm companies listed in the Indonesian Stock Exchange from the years 2013 until 2017. The total sample includes the observation of 100 oil palm companies for 5 years. Environmental information disclosure was taken through the content analysis method from the companies' annual reports. This study tested the hypothesis using panel data analysis. One of the contributions of this study is in proving the companies' management carried out different reporting strategies when dealing with investors of different categories. The management used legitimacy strategy when dealing with investors from the European Union as they are the countries that give most pressure to the oil palm industry. However, they withhold reporting of certain information when dealing with investors from other countries. The finding of this study is significant in the efforts to improve the sustainability of oil palm industry. This is proven by the finding of this study that the categories of investor have influence on the transparency of reporting and help monitor companies' activity that may harm the environment. This finding is also important in developing policy(ies) regarding foreign investment not only for oil palm to get access to source of capital but also to tackle the issue of pollution.

Keywords: Oil palm industry; foreign ownership; information disclosure; environmental; Indonesia

PENGENALAN

Industri sawit mempunyai prestasi yang baik dari segi pengeluaran dan permintaan. Permintaan global

terhadap minyak sawit meningkat daripada 17.5 juta tan metrik pada tahun 1996 kepada 64.5 juta tan metrik pada tahun 2016 (Zoological Society of London -ZSL, 2017). Sehingga tahun 2020, jumlah keluasan ladang

kelapa sawit di seluruh dunia dianggarkan antara 20 juta sehingga 27 juta hektar, di mana lebih 60% daripadanya terletak di Indonesia (United States Department of Agriculture - USDA 2019). Seiring dengan peningkatan permintaan global, jumlah keluasan ladang kelapa sawit di Indonesia dianggarkan akan meningkat sehingga 17 juta hektar pada tahun 2025 (ZSL 2017). Meskipun Indonesia mempunyai kawasan yang luas untuk diteroka bagi penanaman sawit, ia mempunyai kekangan dari segi modal dan sumber teknologi (Varkkey 2013). Pelaburan asing amat diperlukan untuk membiayai perkembangan industri ini (Sjahza & Asmit 2019; Varkkey, Tyson, & Choiruzzad 2018).

Penarikan pelaburan asing agak mencabar kerana industri ini berterusan menerima tekanan pada peringkat antarabangsa disebabkan risiko alam sekitar yang dicetuskan oleh industri ini. Industri sawit menyebabkan pelbagai masalah alam sekitar terutamanya masalah pencemaran udara yang berpunca daripada pembakaran hutan secara besar-besaran (Varkkey et al. 2018; Hamzah & Abdullah 2018). Kesan pencemaran ini bukan sahaja dirasai di Indonesia, tetapi turut dirasai oleh negara-negara jiran seperti Singapura, Malaysia, Thailand dan Brunei (Lee et al. 2016; Padfield 2017; Varkkey et al. 2018). Pencemaran udara bukan sahaja memberi impak negatif kepada ekonomi negara jiran bahkan turut membahayakan kesihatan penduduk (Gaveau et al. 2014). Aktiviti perladangan kelapa sawit turut dibuktikan memberi kesan negatif kepada biodiversiti dan meningkatkan ancaman kepupusan pelbagai spesis flora dan fauna di hutan hujan tropika di Indonesia (Karuniyanti & Santosa 2019; Meijaard et al. 2018; Rejeki & Santosa 2019).

Masalah ancaman kepupusan dan gangguan ekosistem ini menyebabkan negara-negara Kesatuan Eropah giat melaksanakan kempen memboikot produk yang berasaskan minyak sawit (European Parliament 2017; Maddox 2018; Wilcove & Koh 2010). Pada tahun 2017, Kesatuan Eropah menekankan agar komponen biobahan api yang berasaskan minyak sawit digantikan dengan sumber lain dan import minyak sawit ke negara-negara eropah dihentikan (European Parliament 2017). Setakat ini boikot yang dilakukan tidak memberi kesan signifikan terhadap jumlah eksport minyak sawit disebabkan permintaan tinggi dari negara lain seperti India dan China (Cramb & McCarthy 2016; Wilcove & Koh 2010). Tetapi, tren harga minyak sawit didapati semakin menurun dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini kerana penurunan harga produk akhir (Meijaard et al. 2018) dan peningkatan kepekaan pengguna terhadap masalah alam sekitar disebabkan aktiviti industri sawit (Guadalupe et al. 2019). Kempen berterusan diperingkat antarabangsa dibimbangi lama-kelamaan memberi kesan yang signifikan kepada permintaan minyak sawit pada masa akan datang. Ini membimbangkan syarikat kelapa sawit di Indonesia yang merupakan pengeluar dan pengeksport utama dunia (Choiruzzad 2019).

Antara usaha utama yang dilaksanakan dalam melestarikan industri sawit adalah memastikan syarikat kelapa sawit mendapat sijil dibawah persijilan minyak sawit mampan sama ada pada peringkat antarabangsa ataupun peringkat nasional (SPOTT & ZSL 2018). Namun, persijilan sahaja tidak cukup meyakinkan pemegang taruh terhadap usaha industri ini dalam menjaga alam sekitar (Hidayat, Offermans, & Glasbergen 2018; RSPO 2018). Malahan pencemaran udara didapati masih berlaku setiap tahun biarpun bilangan syarikat kelapa sawit yang telah mendapat sijil minyak sawit mampan semakin meningkat (Firdaus, Kamello, Saidin, & Sunarmi 2020; Soedomo 2019; Sylvia, Yunardi, Husin, & Muslim 2020).

Organisasi bukan kerajaan seperti Greenpeace dan Zoological Society of London (ZSL) mendesak syarikat kelapa sawit mendedahkan maklumat alam sekitar secara terbuka dan berkala supaya mereka dapat menjejaki perkembangan usaha syarikat memulihara alam (Melot 2019; Spencer, Guindon, & Melot 2019). Pendedahan maklumat ini dilihat sebagai satu inisiatif yang efektif dalam mengawal pencemaran yang berpunca daripada aktiviti industri sawit (Meijaard et al. 2018; Melot 2019; ZSL 2017). Selain itu, World Wide Fund for Nature (WWF) dalam laporannya pada tahun 2012 mencadangkan agar pelabur memainkan peranan aktif memantau aktiviti syarikat kelapa sawit menerusi pemilikan atau pelaburan dan secara berterusan memberi tekanan kepada syarikat kelapa sawit untuk melaporkan maklumat berkaitan alam sekitar. Namun, persoalannya sejauh manakah mereka mampu mempengaruhi pelaporan maklumat tersebut, atau dalam erti kata lain, “apakah pengaruh pelabur atau pemilikan asing ke atas pendedahan maklumat alam sekitar oleh syarikat kelapa sawit di Indonesia?”

Huafang dan Jianguo (2007) menyatakan pelabur asing menghadapi masalah jurang maklumat yang lebih ketara berbanding pelabur domestik disebabkan halangan bahasa dan kekurangan pengetahuan mengenai operasi syarikat akibat pemisahan geografi. Pelabur asing dipercayai mempunyai kuasa mendesak (coercive power) yang lebih kuat yang dapat mendorong peningkatan pelaporan maklumat alam sekitar (Hahn & Kühnen 2013; Huafang & Jianguo 2007; Thomson & Bebbington 2005). Oleh kerana Indonesia memerlukan suntikan dana pelabur asing, ini memberi peluang kepada pelabur asing untuk mendesak pihak pengurusan syarikat melaporkan maklumat yang diperlukan jika mereka ingin akses kepada modal (Grayson & Stampe 2012; SPOTT & ZSL 2018). Namun, Varkkey (2013) dan Varkkey et al. (2018) menyatakan pelabur asing tidak berperanan dalam memantau masalah pembakaran hutan yang dilakukan oleh syarikat kelapa sawit di Indonesia. Varkkey (2013) mendakwa syarikat Malaysia yang mempunyai kepentingan dalam syarikat kelapa sawit di Indonesia tidak membantu pihak luar dalam mendapatkan maklumat berkenaan masalah jerebu disebabkan kepentingan kewangan dan politik. Perbezaan kajian lepas mengenai

peranan yang boleh dimainkan oleh pelabur dalam pelaporan maklumat serta memantau aktiviti syarikat menjadi motivasi kepada kajian ini dilaksanakan.

Kajian ini mengkaji peranan pemilikan asing mengikut tiga blok kawasan geografi, iaitu (1) negara jiran yang merangkumi Singapura, Malaysia, Thailand dan Brunei, (2) Kesatuan Eropah dan (3) negara-negara lain. Dapatan kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada bidang ilmu dengan memberi penjelasan mengenai hubungan antara pelaporan maklumat alam sekitar dan kumpulan pelabur asing yang berbeza. Dapatan ini juga dijangka membantu pengurusan syarikat memperbaiki kecekapan tadbir urus korporat menerusi pengenalan ciri-ciri pelabur asing yang dapat membantu kearah kelestarian syarikat kelapa sawit pada masa akan datang. Dapatan ini dijangka turut menyumbang ke arah penambahbaikan polisi di Indonesia menerusi pengenalan mekanisme tadbir urus yang dapat meningkatkan ketelusan pendedahan maklumat alam sekitar dan secara tidak langsung membantu mengurangkan pencemaran alam. Pada tahun 1990-an, kerajaan Indonesia telah melaksanakan polisi membenarkan pelabur asing melabur ke dalam industri sawit untuk mengembangkan industri ini (McCarthy & Cramb 2009). Implikasinya, industri berkembang cepat tetapi pencemaran alam berleluasa sehingga sukar dikawal. Kerajaan Indonesia telah melaksanakan pelbagai usaha dalam mengatasi masalah pencemaran termasuklah melaksanakan moratorium mengehend pemberian permit membuka ladang kelapa sawit baharu namun, sehingga kini masih belum berjaya sepenuhnya mengatasi masalah pencemaran udara (Purnomo et al. 2018). Dapatan kajian ini dijangka membantu kerajaan Indonesia melihat semula polisi kemasukan pelabur asing yang telah dilaksanakan.

Kertas kerja ini diteruskan dengan ulasan karya dan hipotesis dibahagian kedua. Kaedah kajian akan dikupas dibahagian ketiga dan hasil kajian akan dibincangkan dibahagian keempat. Terakhir adalah kesimpulan dimana sumbangan dan limitasi kajian dinyatakan dibahagian ini.

ULASAN KARYA DAN HIPOTESIS

KEPERLUAN PENDEDAHAN MAKLUMAT ALAM SEKITAR DALAM INDUSTRI SAWIT

Sebelum kerajaan Indonesia membuka industri sawit kepada pelaburan asing pada tahun 1990-an, pelaporan maklumat alam sekitar kepada orang awam oleh syarikat kelapa sawit boleh dikatakan hampir tiada (Gery Djajadikerta & Trireksani 2012). Pembukaan pelaburan asing meningkatkan keperluan terhadap pelaporan maklumat alam sekitar bagi membantu pelabur membuat keputusan pelaburan seperti mengenalpasti syarikat yang mencapai tanda aras prestasi alam sekitar yang tinggi dan syarikat yang tidak patuh kepada undang-undang

berkaitan alam sekitar (Arena, Liong, & Vourvachis 2018; Basamalah & Jermias 2005; Gery Djajadikerta & Trireksani 2012). Namun, sehingga awal tahun 2000-an, masih tiada undang-undang atau garis panduan khusus dikeluarkan untuk memandu syarikat dalam pelaporan maklumat alam sekitar (Basamalah & Jermias 2005). Kesannya, pengurusan syarikat melaporkan maklumat berdasarkan kepentingan mereka, dan kandungan maklumat serta format pelaporan juga didapati amat berbeza antara syarikat (Basamalah & Jermias 2005). Ini menyukarkan pelabur menggunakan maklumat tersebut untuk pembuatan keputusan.

Pada tahun 2009, Yayasan Keanekaragaman Hayati Indonesia atau dikenali sebagai KEHATI telah bekerjasama dengan Bursa Efek Indonesia (*Indonesian Stock Exchange*) dalam mewujudkan Indeks SRI-KEHATI yang bertujuan untuk mengukur prestasi 25 syarikat dari mana-mana industri yang mengamalkan tatakelola perusahaan yang baik dalam konteks alam sekitar, sosial dan tadbir urus (Arena et al. 2018; Zulkaffi, Ahmad, & Eky Ermal 2017). Syarikat yang tersenarai dalam indeks ini adalah syarikat yang mempunyai prestasi alam sekitar yang baik. Sehingga tahun 2020, hanya sebuah syarikat kelapa sawit tersenarai dalam indeks ini iaitu Astra Agro Lestari. Ini bermakna, bagi syarikat kelapa sawit lain yang tidak tersenarai dalam indeks ini, pelaporan maklumat alam sekitar secara sukarela diandaikan amat relevan kepada pelabur dalam membantu mereka membuat keputusan pelaburan.

Menurut sebuah laporan yang bertajuk '*Palm oil investor review: Investor guidance on palm oil. The role of investors in supporting the development of a sustainable palm oil industry*' (WWF 2012), WWF mendapati pelabur berminat untuk melabur dalam industri sawit, namun disebabkan industri ini sering dikaitkan dengan pembasmian hutan dan syarikat kurang memberi penjelasan (dalam bentuk pelaporan maklumat), maka pelabur mengelak melabur dalam industri ini. WWF mencadangkan pelabur mengamalkan strategi baharu dalam pelaburan. WWF menjelaskan bahawa strategi pengelakan pelaburan tidak membantu mengurangkan pencemaran dan menyelesaikan masalah perubahan iklim (*climate change*) yang berpunca daripada industri sawit. Pelabur diminta memainkan peranan aktif memantau aktiviti syarikat kelapa sawit menerusi pemilikan atau pelaburan dan secara berterusan memberi tekanan kepada syarikat kelapa sawit untuk melaporkan maklumat berkaitan alam sekitar. Penekanan WWF ini menjustifikasikan kajian ini untuk dilaksanakan.

Kajian ini membahagikan pelabur kepada 3 kategori mengikut blok kawasan geografi iaitu negara jiran, Kesatuan Eropah dan negara-negara lain. Kategori ini dibuat berdasarkan dapatan kajian lepas (seperti Grayson & Stampe 2012; Padfield 2017; Varkkey 2013) yang mendapati pelabur dari setiap kawasan ini mempunyai

ciri-ciri berbeza yang boleh mempengaruhi keputusan syarikat dalam melaporkan maklumat berkaitan isu alam sekitar.

PENDEDAHAN MAKLUMAT ALAM SEKITAR DAN PELABUR DARI NEGARA JIRAN

Salah satu perbezaan ciri pelabur dalam kajian ini adalah dari segi jumlah pemilikan. Pelabur dari negara jiran adalah pelabur asing terbanyak yang melabur dalam industri sawit di Indonesia (Cramb 2016; Jiwan 2012; Padfield 2017). Malaysia dan Singapura adalah pelabur asing terbesar dengan memiliki kira-kira satu per empat daripada keseluruhan kawasan ladang sawit di Indonesia (Cramb 2016). Kajian lepas mencadangkan semakin tinggi pelaburan yang dimiliki semakin tinggi peranan yang boleh dimainkan oleh pelabur dalam mendapatkan maklumat kelestarian syarikat (Hahn & Kühnen 2013). Teori pemegang taruh menjelaskan bahawa syarikat cenderung melaporkan maklumat aktiviti syarikat kepada pemegang taruh yang mempunyai kuasa ke atas syarikat (Hahn & Kühnen 2013). Disamping itu, keadaan ekonomi dan sosial di negara-negara jiran iaitu Singapura, Malaysia, Thailand dan Brunei terjejas disebabkan pencemaran udara yang berpunca dari Indonesia. Pada tahun 2014, kerajaan Singapura telah menguatkuasakan Akta Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan (*Transboundary Haze Pollution Act*) yang membenarkan kerajaan Singapura menjatuhkan hukuman dan penalti kepada entiti yang terlibat atau menyumbang kepada pencemaran jerebu. Situasi ini diandaikan meningkatkan kecenderungan pelabur dari negara jiran untuk mendapatkan maklumat alam sekitar yang lebih komprehensif daripada syarikat kelapa sawit yang dilabur supaya mereka dapat mengelak daripada melabur dalam syarikat yang bermasalah. Oleh yang demikian, hipotesis pertama kajian ini dinyatakan seperti berikut:

H₁: Tahap pendedahan maklumat alam sekitar mempunyai hubungan positif dengan pelabur dari negara jiran.

PENDEDAHAN MAKLUMAT ALAM SEKITAR DAN PELABUR DARI KESATUAN EROPAH

Industri sawit adalah sebuah industri yang cukup kontroversi di kalangan negara-negara Eropah (Guadalupe et al. 2019; Pye 2012). Kempen memboikot ke atas import minyak sawit (European Parliament 2017) dan juga segala produk yang berkait dengan minyak sawit dilaksanakan secara agresif di Eropah sehingga kini (Guadalupe et al. 2019; Ostfeld, Howarth, Reiner, & Krasny 2019; Riganelli & Marchini 2017). Kempen boikot ini dilakukan bagi mengurangkan risiko pembasmian hutan, kepupusan spesies dan perubahan iklim dunia, seperti yang termaktub dalam *the United Nations'*

Sustainable Development Goals. Walaupun begitu, terdapat sebahagian kecil pelabur dari Kesatuan Eropah seperti dari Netherlands, Switzerland, Jerman dan Perancis yang melabur dalam industri sawit di Indonesia (Jiwan 2012; Padfield 2017). Pada tahun 2012, WWF meminta agar pelabur membuat pelaburan dalam industri sawit kerana dengan cara ini, pelabur dapat bertindak aktif sebagai agen pemantau aktiviti syarikat. Melalui pemilikan, pelabur juga mempunyai kuasa untuk mendesak syarikat kelapa sawit melaporkan maklumat alam sekitar dengan lebih telus (Abdullah et al. 2020; Grayson & Stampe 2012; SPOTT & ZSL 2018). Berdasarkan teori legitimasi, kajian ini menjangka syarikat kelapa sawit cenderung untuk melaporkan lebih banyak maklumat apabila diminta oleh pelabur dari Kesatuan Eropah untuk menunjukkan kepatuhan dalam menjaga alam sekitar dan patuh menyediakan maklumat seperti diminta oleh pelabur supaya pelaburan dalam syarikat dikekalkan (Ong et al. 2019). Oleh itu, hipotesis kedua kajian ini dinyatakan seperti berikut:

H₂: Tahap pendedahan maklumat alam sekitar mempunyai hubungan positif dengan pelabur dari Kesatuan Eropah.

PENDEDAHAN MAKLUMAT ALAM SEKITAR DAN PELABUR DARI NEGARA LAIN (SELAIN INDONESIA, NEGARA JIRAN DAN KESATUAN EROPAH)

Industri sawit di Indonesia menerima pelaburan daripada pelabur dari seluruh dunia termasuk Hong Kong, Sri Lanka, Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan, Korea Selatan, China dan Bahrain (Jiwan 2012; Wakker 2012). Walaupun kempen memboikot minyak sawit di negara-negara Eropah lebih agresif berbanding negara lain, kajian lepas mendapati kesan kempen tersebut telah berkembang ke negara lain di seluruh dunia (Bailis & Baka 2011; Guadalupe et al. 2019; Ostfeld et al. 2019; Wilcove & Koh 2010). Pada tahun 2012, The US Environmental Protection Agency (EPA) menyekat penggunaan minyak sawit dari Indonesia dan Malaysia dalam biobahan bakar di negara itu (Choiruzzad 2019).

Pengguna di seluruh dunia juga semakin peka dengan kandungan makanan yang ingin dibeli dengan memilih produk yang tidak menggunakan minyak sawit atau sekurang-kurangnya minyak sawit yang digunakan adalah bersumber dari pengeluar kelapa sawit mampan (*sustainable palm oil*) (Ostfeld et al. 2019; Riganelli & Marchini 2017). Peningkatan kepekaan masyarakat di seluruh dunia mengenai masalah alam sekitar yang berpunca daripada industri sawit serta peningkatan permintaan terhadap minyak sawit mampan dijangka meningkatkan insentif pelabur untuk meningkatkan kelestarian industri sawit bagi keuntungan jangka

panjang. Justeru, pelabur dari negara-negara lain dijangka berusaha untuk mendesak syarikat melaporkan maklumat alam sekitar supaya pemantauan boleh dibuat dan seterusnya membantu syarikat yang dilabur mencapai status mampan. Berdasarkan teori legitimasi, kajian ini menjangka syarikat akan cuba meningkatkan pelaporan maklumat supaya diterima di seluruh dunia. Oleh itu, hipotesis ketiga kajian ini dinyatakan seperti berikut:

H₃: Tahap pendedahan maklumat alam sekitar mempunyai hubungan positif dengan pelabur dari negara lain

KAEDAH KAJIAN

Sampel kajian ini terdiri daripada syarikat kelapa sawit yang tersenarai di Bursa Efek Indonesia pada tahun 2013 hingga 2017 kerana tempoh ini telah berlakunya jerebu terburuk di Asia Tenggara dan juga mengambilkira tempoh selepas WWF menggalakkan pelabur asing melabur dalam industri sawit (Grayson & Stampe 2012). Jumlah sampel terdiri daripada 100 pemerhatian syarikat kelapa sawit selama 5 tahun. Pengumpulan data pelaporan maklumat alam sekitar menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu melalui analisis kandungan yang dilakukan ke atas laporan tahunan syarikat menggunakan indeks pelaporan yang telah dibangunkan oleh Abdullah, Hamzah, Mohd-Ali, Tseng dan Brander (2020). Indeks pelaporan tersebut mengambilkira item maklumat yang diperlukan oleh pemegang taruh dan justeru, diandaikan pelaporan maklumat ini dapat menggambarkan ketelusan syarikat. Setiap maklumat yang dilaporkan diberikan skor 1 dan 0 jika tiada pelaporan. Terdapat 5 jenis item maklumat alam sekitar dalam indeks pelaporan tersebut iaitu (i) lokasi operasi, (ii) ketidak patuhan melibatkan alam sekitar, (iii) tanda aras prestasi alam sekitar (*Environmental performance Indicators -EPIS*), (iv) belanjawan untuk alam sekitar, dan (v) inisiatif dan tadbir urus berkait alam sekitar.

Kajian ini menggunakan pemboleh ubah ciri-ciri syarikat dan tadbir urus iaitu saiz syarikat, pulangan atas aset, leveraj, pertumbuhan, saiz, kebebasan dan kekerapan mesyuarat lembaga pengarah serta kualiti audit sebagai pemboleh ubah kawalan kerana pemboleh ubah ini telah dikenalpasti menjadi penentu kepada pelaporan maklumat dalam kajian lain (seperti Abdullah, Abdul Shukor, Ahmad, & Muhammadun Mohamed 2015; Abdullah, Abdul Shukor, & Rahmat 2017; Ab-Ghani & Keliwon 2019; Bokpin 2013; Chou, Chung, & Yin 2013; Grauel & Gotthardt 2016; Hoque, Islam, & Azam 2013; Radhouane, Nekhili, Nagati, & Paché 2018). Kajian ini turut memasukkan pemilikan dari Indonesia sebagai pemboleh ubah kawalan kerana diandaikan mereka

mempunyai pemilikan yang besar dalam syarikat yang dikaji yang boleh mempengaruhi pelaporan maklumat. Data pemilikan diambil daripada pengkalan data OSIRIS manakala data pemboleh ubah kawalan diambil daripada pengkalan data Datastream. Data yang tidak tersedia dalam Datastream diambil dalam laporan tahunan syarikat. Kajian ini menggunakan analisis data panel untuk menguji model berikut:

$$PMAS_{it} = \beta_1 \text{NegaraJiran}_{it} + \beta_2 \text{KesatuanEropah}_{it} + \beta_3 \text{NegaraLain}_{it} + \beta_4 \text{Indonesia}_{it} + \beta_5 \text{LnSaiz}_{it} + \beta_6 \text{Pertumbuhan}_{it} + \beta_7 \text{PAA}_{it} + \beta_8 \text{Leveraj}_{it} + \beta_9 \text{SaizLP}_{it} + \beta_{10} \text{MesyLP}_{it} + \beta_{11} \text{BebasLP}_{it} + \beta_{12} \text{KualitiAudit}_{it} + c_1 + \varepsilon_{it}$$

Di mana: PMAS = Pendedahan maklumat alam sekitar (skor pendedahan sebenar/ jumlah skor pendedahan); NegaraJiran = Peratus pemilikan oleh pelabur dari Singapura, Malaysia, Thailand dan Brunei ; KesatuanEropah = Peratus pemilikan oleh pelabur dari Kesatuan Eropah; NegaraLain = Peratus pemilikan oleh pelabur dari negara selain negara jiran dan Kesatuan Eropah; Indonesia= Peratus pemilikan oleh pelabur dari Indonesia; LnSaiz = Logaritma asli saiz syarikat (jumlah aset); Pertumbuhan = Pertumbuhan (jualan tahun semasa / jualan tahun sebelum); PAA = Pulangan atas Aset (untung selepas cukai / jumlah aset); Leveraj = Leveraj (jumlah liabiliti/jumlah aset); SaizLP = Saiz lembaga pengarah (Jumlah ahli lembaga pengarah); MesyLP = Kekerapan mesyuarat lembaga pengarah (jumlah mesyuarat lembaga pengarah sepanjang tahun); BebasLP = Kebebasan lembaga pengarah (jumlah ahli pengarah bebas bukan eksekutif/jumlah pengarah); KualitiAudit= Kualiti audit (1 jika Juruaudit luar dari firma Big 4, 0 selainnya).

HASIL KAJIAN

ANALISIS DESKRIPTIF

Jadual 1 menunjukkan statistik deskriptif bagi semua pemboleh ubah. Seperti yang dijangka, pemegang terbesar bagi syarikat kelapa sawit yang tersenarai di Bursa Efek Indonesia adalah pelabur dari Indonesia sendiri, iaitu secara puratanya sebanyak 64%. Pelabur dari negara jiran adalah pemegang kedua terbesar iaitu secara jumlah puratanya sebanyak 14%. Pemerhatian terhadap data mendapati majoriti pelabur negara jiran adalah dari Singapura dan Malaysia. Tiada pelabur dari Brunei dan Thailand dikenalpasti. Pelabur dari Kesatuan Eropah secara purata memegang sebanyak 0.5% kepentingan manakala pelabur dari negara-negara lain memegang sebanyak 6.19%. Meskipun pemilikan asing agak rendah dan tidak mengawal, kajian lepas (seperti Khlif, Ahmed,

& Souissi 2017) mendapati pelabur asing mampu mempengaruhi pelaporan maklumat syarikat kerana jurang maklumat yang tinggi (Huafang & Jianguo 2007)

menjadikan mereka lebih aktif mendapatkan maklumat untuk melindungi kepentingan pelaburan mereka.

JADUAL 1. Statistik deskriptif bagi semua pemboleh ubah (n = 100)

Pemboleh ubah	Purata	Median	Sisihan Piawai
Pemilikan pelabur negara jiran	14.264	0.000	28.135
Pemilikan pelabur Kesatuan Eropah	0.503	0.000	1.013
Pemilikan pelabur negara lain	6.186	1.040	12.707
Pemilikan pelabur Indonesia	64.443	73.280	27.733
Pendedahan maklumat alam sekitar	0.456	0.474	0.134
Saiz syarikat (dalam USD billion)	0.610	0.448	0.563
Pulangan atas aset	0.0446	0.054	0.0980
Leveraj	35.063	40.290	20.205
Pertumbuhan	1.291	1.076	1.604
Saiz lembaga pengarah	5.270	5.000	1.596
Kebebasan lembaga pengarah	0.152	0.167	0.151
Mesyuarat lembaga pengarah	11.370	12.000	6.877
Kualiti juruaudit luar	0.440	0.000	0.499

Jadual 1 menunjukkan tahap pelaporan maklumat alam sekitar secara puratanya agak rendah, iaitu sebanyak 0.456. Rajah 1 memperincikan tahap pelaporan maklumat mengikut jenis item bagi tempoh 5 tahun. Pelaporan tertinggi adalah maklumat lokasi operasi. Bagi item ini, syarikat diminta untuk melapor maklumat di negara mana ia beroperasi dan di lokasi mana pembasmian hutan dilakukan untuk penanaman pokok kelapa sawit. Kebanyakan syarikat didapati hanya melaporkan maklumat di negara ia beroperasi manakala maklumat lokasi pembasmian hutan tidak dilaporkan. Ini mungkin untuk mengelak sebarang tindakan litigasi sekiranya pembakaran hutan didapati berlaku di kawasan ladang sawit milik syarikat (Abdullah et al. 2020; Purnomo et al. 2018).


Maklumat terendah adalah mengenai ketidakpatuhan yang merangkumi maklumat kewangan (dalam bentuk amaun denda) dan bukan kewangan (dalam bentuk sekatan) disebabkan ketidakpatuhan syarikat dalam mengikuti undang-undang atau peraturan alam sekitar. Rajah 1 menunjukkan pelaporan maklumat ini turun naik setiap tahun dan pelaporan tertinggi adalah pada tahun 2014. Pada tahun 2013, berlakunya jerebu terburuk di Asia Tenggara selama tiga minggu yang berpunca daripada aktiviti pembakaran hutan secara besar-besaran oleh syarikat kelapa sawit di Indonesia (Gaveau et al. 2014;

Lee et al. 2016). Impaknya sangat besar sehingga banyak penerbangan terpaksa dibatalkan, darurat diisytiharkan di beberapa daerah di Malaysia dan ratusan sekolah di Indonesia dan Malaysia terpaksa ditutup (Ramasamy, Chen, & Rusmana 2013). Setelah hasil siasatan diperolehi pada tahun berikutnya (tahun 2014), banyak akhbar tempatan dan antarabangsa mendedahkan nama-nama syarikat yang menjadi punca jerebu serta amaun denda yang dikenakan (The Jakarta Post 2015). Disebabkan maklumat ini diketahui umum, diandaikan syarikat menjelaskan maklumat ini secara rasmi kepada pelabur dalam laporan tahunan syarikat 2014 untuk mengelak risiko litigasi. Namun, maklumat yang dilaporkan masih agak terbatas bagi mengelak reaksi negatif daripada pelabur (Kothari, Shu, & Wysocki 2009), seperti maklumat ketidakpatuhan sepertimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Pada tahun 2014, syarikat didapati lebih berhati-hati dalam melaporkan maklumat mengenai inisiatif dan tadbir urus berkait alam sekitar. Bagi item ini, syarikat diminta melaporkan maklumat berkenaan: (1) program penjagaan alam sekitar yang diamalkan dalam syarikat, (2) tadbir urus yang wujud dalam syarikat bagi membendung pencemaran, (3) pelaksanaan ISO 14001 dan (4) anugerah yang diterima hasil daripada amalan terbaik penjagaan alam sekitar (Abdullah et

al., 2020). Kejadian jerebu terburuk pada tahun 2013 menandakan kegagalan dan kelemahan tadbir urus dan inisiatif syarikat dalam membendung pencemaran. Bagi mengelak risiko litigasi yang lebih buruk, syarikat bertindak mengurangkan pelaporan maklumat ini pada tahun 2014. Tingkah laku pelaporan ini seolahnya membayangkan bahawa pelaporan maklumat pada tahun 2013 mungkin kurang menyamai realiti sebenar

sehingga syarikat terpaksa mengurangkan pelaporan maklumat tertentu secara drastik pada tahun 2014. Tambahan pula, terdapat kajian lepas yang telah membuktikan terdapat syarikat melaksanakan strategi legitimasi dalam pelaporan alam sekitar walaupun ianya tidak selari dengan apa yang diamalkan dalam syarikat (Jaffar, Hassan, & Muhamad 2010).



RAJAH 1. Pendedahan maklumat alam sekitar mengikut jenis item maklumat

PERBINCANGAN HASIL ANALISIS

Jadual 2 menunjukkan hasil ujian korelasi Pearson yang telah dijalankan ke atas pemboleh ubah. Hasil ujian ini dapat menjelaskan dua perkara, iaitu (i) menunjukkan hubungan univariat antara pemboleh ubah yang dikaji, dan (ii) memberi petunjuk jika wujudnya masalah multikolineariti. Pendedahan maklumat alam sekitar (PMAS) didapati berhubung secara positif dan signifikan dengan pemilikan negara jiran dan Kesatuan Eropah pada tahap $p < 0.1$ dan $p < 0.05$ masing-masing. PMAS didapati berhubung secara negatif dan signifikan dengan pemilikan negara lain pada tahap $p < 0.1$. Jadual 2 menunjukkan tiada masalah multikolineariti antara semua pemboleh ubah dan ini disahkan menerusi nilai *Variance Inflation Factors* (VIF) yang tidak melebihi nilai 10.

Jadual 3 memaparkan keputusan analisis data panel. Ujian Hausman dilaksanakan untuk menentukan sama ada model kesan tetap atau kesan rawak sesuai digunakan dalam kajian ini (Greene, 2008). Keputusan ujian mendapati penggunaan model kesan-rawak (*random-effects*) lebih sesuai digunakan ($p > \chi^2 = 0.2313$). Jadual 3 menunjukkan PMAS tidak mempunyai hubungan dengan pelabur dari negara jiran. Dapatan ini menunjukkan hipotesis pertama adalah tidak disokong. Secara

umumnya, dapatan ini selari dengan hasil kajian da Silva Monteiro dan Aibar-Guzmán (2010) bahawa tiada hubungan signifikan yang wujud antara pelabur asing yang mempunyai kawalan ke atas syarikat dengan tahap pelaporan maklumat alam sekitar. Pelabur dari Singapura dan Malaysia merupakan pelabur asing terbesar, namun, mereka tidak memainkan peranan dalam pelaporan maklumat alam sekitar. Thomson dan Bebbington (2005) menyatakan bahawa kualiti pelaporan maklumat berkait dengan kualiti pemegang taruh. Seperti yang dinyatakan oleh Varkkey (2013), kepentingan kewangan dan politik menyukarkan pemegang taruh dari negara jiran memainkan peranan sebagai agen pemantau yang baik. Cramb dan McCarthy (2016) mendakwa majoriti pelabur dari Malaysia dan Singapura adalah dikalangan syarikat korporat yang mempunyai kaitan politik dengan kerajaan di kedua-dua buah negara seperti Sime Darby dan Tabung Haji Plantations di Malaysia. Keterikatan politik menjadikan hubungan antara pelabur dan syarikat kelapa sawit menjadi kompleks, dan meningkatkan dilema sama ada ingin mengekalkan kos pengeluaran yang rendah yang akan memaksimumkan keuntungan pelaburan ataupun menamatkan masalah jerebu yang sehingga kini masih berlaku secara bermusim (McCarthy & Cramb 2009).

JADUAL 2. Keputusan Ujian Korelasi (n=100)

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	VIF
1. PMAS	1.000													
2. NegaraJiran	0.251*	1.000												1.973
3. KesatuanEropah	0.344**	0.367**	1.000											1.453
4. Negara Lain	-0.246*	-0.046	-0.047	1.000										1.303
5. Indonesia	-0.056	-0.449**	-0.099	-0.226*	1.000									1.541
6. LnSaiz	0.058	0.363**	0.363**	0.363**	0.399**	1.000								2.750
7. PAA	0.107	-0.008	0.116	-0.009	0.086	0.261**	1.000							1.492
8. Leveraj	0.048	0.048	-0.114	-0.026	0.132	0.396**	-0.282**	1.000						2.293
9. Pertumbuhan	0.010	-0.081	-0.081	0.337**	-0.098	-0.090	-0.062	-0.042	1.000					1.213
10. SaizLP	0.033	0.336**	0.267**	-0.003	0.264**	0.565**	-0.034	0.380**	-0.158	1.000				1.835
11. BebasLP	0.185	-0.218*	-0.138	-0.003	-0.061	0.217*	0.078	0.137	0.045	0.063	1.000			1.224
12. MesyLP	0.105	-0.037	0.032	0.012	0.293**	0.137	-0.119	0.385**	-0.022	0.131	0.063	1.000		1.235
13. KualitiAudit	-0.185	0.369**	0.224*	0.118	0.214*	0.350**	0.390**	-0.293**	-0.121	0.282**	0.048	-0.0245*	1.000	2.030

Nota: tahap signifikan statistik *** < 0.01, ** < 0.05, * < 0.10

PMAS_{it} = β_1 NegaraJiran_{it} + β_2 KesatuanEropah_{it} + β_3 NegaraLain_{it} + β_4 Indonesia_{it} + β_5 LnSaiz_{it} + β_6 Pertumbuhan_{it} + β_7 PAA_{it} + β_8 Leveraj_{it} + β_9 SaizLP_{it} + β_{10} MesyLP_{it} + β_{11} BebasLP_{it} + β_{12} KualitiAudit_{it} + c_i + ε_{it}
 Di mana: PMAS = Pendedahan maklumat alam sekitar (skor pendedahan sebenar/jumlah skor pendedahan); NegaraJiran = Peratus pemilikan oleh pelabur dari Singapura, Malaysia, Thailand dan Brunei; KesatuanEropah = Peratus pemilikan oleh pelabur dari Kesatuan Eropah; NegaraLain = Peratus pemilikan oleh pelabur dari negara selain negara jiran dan Kesatuan Eropah; Indonesia = Peratus pemilikan oleh pelabur dari Indonesia; LnSaiz = Logaritma asli saiz syarikat (jumlah aset); Pertumbuhan = Pertumbuhan (jualan tahun semasa / jualan tahun sebelum); PAA = Pulangan atas Aset (untung selepas cukai / jumlah aset); Leveraj = Leveraj (jumlah liabiliti/jumlah aset); SaizLP = Saiz lembaga pengarah (jumlah ahli lembaga pengarah); MesyLP = Kekerapan mesyuarat lembaga pengarah (jumlah mesyuarat lembaga pengarah sepanjang tahun); BebasLP = Kebebasan lembaga pengarah (jumlah ahli pengarah bebas bukan eksekutif/jumlah pengarah); KualitiAudit = Kualiti audit (1 jika Juruaudit luar dari firma Big 4, 0 selainnya).

JADUAL 3. Keputusan Analisis Data Panel (Kesan-Rawak) (n=100)

Pemboleh ubah	Koefisyen	Nilai-z
NegaraJiran	-0.0009	-0.0800
KesatuanEropah	0.3490	1.3900**
NegaraLain	-0.0526	-2.8200***
Indonesia	-0.0019	-0.1800
LnSaiz	0.6215	1.6800**
Pertumbuhan	0.1424	1.0800
PAA	-0.6049	-0.2300
Leveraj	0.0032	0.1500
SaizLP	-0.1013	-0.5000
MesyLP	0.6551	1.8800*
BebasLP	-0.6509	-0.4000
KualitiAudit	0.9622	1.2700
Pemalar	-10.0715	-1.000
Wald \times^2	53.9600***	
Sigma_e	0.0895	
Sigma_u	0.0650	
Θ	0.3450	
R ²	0.3423	

Nota: tahap signifikan statistik *** < 0.01, ** < 0.05, * < 0.10

$$PMAS_{it} = \beta_1 \text{NegaraJiran}_{it} + \beta_2 \text{KesatuanEropah}_{it} + \beta_3 \text{NegaraLain}_{it} + \beta_4 \text{Indonesia}_{it} + \beta_5 \text{LnSaiz}_{it} + \beta_6 \text{Pertumbuhan}_{it} + \beta_7 \text{PAA}_{it} + \beta_8 \text{Leveraj}_{it} + \beta_9 \text{SaizLP}_{it} + \beta_{10} \text{MesyLP}_{it} + \beta_{11} \text{BebasLP}_{it} + \beta_{12} \text{KualitiAudit}_{it} + c_i + \varepsilon_{it}$$

Dimana: PMAS = Pendedahan maklumat alam sekitar (skor pendedahan sebenar/ jumlah skor pendedahan); NegaraJiran = Peratus pemilikan oleh pelabur dari Singapura, Malaysia, Thailand dan Brunei ; KesatuanEropah = Peratus pemilikan oleh pelabur dari Kesatuan Eropah; NegaraLain = Peratus pemilikan oleh pelabur dari negara selain negara jiran dan Kesatuan Eropah; Indonesia= Peratus pemilikan oleh pelabur dari Indonesia; LnSaiz = Logaritma asli saiz syarikat (jumlah aset); Pertumbuhan = Pertumbuhan (jualan tahun semasa / jualan tahun sebelum); PAA = Pulangan atas Aset (untung selepas cukai / jumlah aset); Leveraj = Leveraj (jumlah liabiliti/jumlah aset); SaizLP = Saiz lembaga pengarah (Jumlah ahli lembaga pengarah); MesyLP = Kekerapan mesyuarat lembaga pengarah (jumlah mesyuarat lembaga pengarah sepanjang tahun); BebasLP = Kebebasan lembaga pengarah (jumlah ahli pengarah bebas bukan eksekutif/jumlah pengarah); KualitiAudit= Kualiti audit (1 jika Juruaudit luar dari firma Big 4, 0 selainnya).

Jadual 3 memaparkan wujud hubungan positif dan signifikan antara PMAS dan pelabur dari Kesatuan Eropah pada tahap $p < 0.05$ sekaligus menyokong hipotesis kedua. Meskipun pelabur ini mempunyai kepentingan yang sedikit dalam syarikat, kehadiran mereka didapati berjaya meningkatkan PMAS. Thomson dan Bebbington (2005) menjelaskan bahawa pelabur yang mempunyai pengetahuan cenderung untuk lebih aktif dalam mencetuskan dialog dan perdebatan dengan pengurusan syarikat, dan hasilnya pelaporan maklumat alam sekitar meningkat. Kempen memboikot produk sawit di Eropah meningkatkan kepekaan dan pengetahuan pelabur terhadap kesan buruk aktiviti industri sawit (Choiruzzad, 2019; European Parliament, 2017; Grayson & Stampe, 2012), justeru menjadi insentif kepada perdebatan dan dialog dengan pengurusan syarikat.

Choiruzzad (2019) melaporkan bahawa sejak tahun 2010 banyak sesi dialog dan pertemuan diadakan yang melibatkan pihak industri sawit dari Indonesia dengan pelbagai pemegang taruh dari Kesatuan Eropah. Saluran seperti ini telah memudahkan pelabur dari Kesatuan Eropah menyuarakan kehendak mereka bagi meningkatkan kelestarian industri sawit. Sebagai tindak balas, pihak

pengurusan syarikat melaksanakan strategi legitimasi dalam pelaporan maklumat seperti melaporkan maklumat belanjawan yang diperuntukkan untuk penyelidikan dan pembangunan (*research and development- R&D*) serta inovasi bagi menyelesaikan masalah pencemaran. Maklumat seperti ini boleh menggambarkan komitmen syarikat dalam menangani masalah alam sekitar supaya syarikat dapat terus beroperasi.

Keputusan analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 3 mendapati hipotesis ketiga yang menyatakan PMAS berhubung secara positif dengan pelabur dari negara-negara lain tidak disokong. Hasil ujian statistik menunjukkan pelabur dari negara-negara lain berhubung secara negatif dengan pelaporan maklumat alam sekitar pada tahap signifikan $p < 0.01$. Ini mungkin kerana pelabur dari negara-negara lain kurang memberi tekanan kepada syarikat untuk melaporkan maklumat alam sekitar. Justeru, syarikat memilih untuk tidak melaporkan maklumat ini.

Untuk memahami dengan lebih jelas hubungan ini, analisis tambahan telah dilakukan dengan melihat hubungan antara pelabur dengan setiap item maklumat. Keputusan analisis yang dipaparkan dalam Jadual 4

menunjukkan pihak pengurusan syarikat menggunakan strategi berlainan dalam menghadapi tekanan daripada pelabur. Tekanan terkuat adalah dari Kesatuan Eropah, Australia dan Amerika Syarikat manakala negara lain lebih neutral dan tiada sekatan ke atas industri sawit (Wilcove & Koh, 2010), industri sawit di Indonesia amat perlukan akses modal yang banyak, maka mereka menahan maklumat tertentu daripada diketahui oleh pelabur agar dapat meningkatkan peluang untuk

mendapatkan modal dari negara-negara yang kurang memberi tekanan kepada industri sawit. Sebagai contoh, Jadual 4 menunjukkan maklumat tanda aras prestasi alam sekitar dan belanjawan alam sekitar berhubung secara negatif dengan pelabur dari negara-negara lain, ini mungkin kerana tiada tekanan kuat dari negara ini. Kesatuan Eropah pula berjaya meningkatkan pelaporan maklumat belanjawan alam sekitar.

JADUAL 4. Keputusan Analisis Data Panel (Kesan Rawak) (n=100)

Pemboleh ubah	Koefisyen	Nilai-z	Wald \times^2	Sigma_e	Sigma_u	θ	R ²
PANEL A (Lokasi Operasi)							
NegaraJiran	-0.0004	-0.1800					
Kesatuan Eropah	-0.0098	-0.0415					
Lainlain	-0.0100	-2.5900*					
Indonesia	0.0007	0.3500					
(Pemboleh ubah kawalan dimasukkan)			18.8500**	0.3503	0.1996	0.2450	0.2182
PANEL B (Ketidakpatuhan berkait alam sekitar)							
NegaraJiran	0.0060	1.2400					
Kesatuan Eropah	-0.0074	-0.1400					
Lainlain	-0.0219	-2.9200***					
Indonesia	-0.0061	-1.4300					
(Pemboleh ubah kawalan dimasukkan)			153.7500***	0.4444	0.1602	0.1149	0.2074
PANEL C (Tanda aras prestasi alam sekitar)							
NegaraJiran	-0.0034	-0.8800					
Kesatuan Eropah	0.1502	2.0800***					
Lainlain	-0.0144	-2.4700**					
Indonesia	-0.0010	-0.3000					
(Pemboleh ubah kawalan dimasukkan)			51.4800***	0.6262	0.4506	0.3412	0.2155
PANEL D (Belanjawan untuk alam sekitar)							
NegaraJiran	-0.0034	-0.8800					
Kesatuan Eropah	0.1502	2.0800***					
Lainlain	-0.0144	-2.4700**					
Indonesia	-0.0010	-0.3000					
(Pemboleh ubah kawalan dimasukkan)			54.9700***	0.5430	0.4444	0.4012	0.2865
PANEL E (Inisiatif dan tadbir urus berkait alam sekitar)							
NegaraJiran	-0.0032	-0.4700					
Kesatuan Eropah	0.1240	0.9200					
Lainlain	-0.0010	-0.1000					
Indonesia	0.0089	1.5000					
(Pemboleh ubah kawalan dimasukkan)			46.4600***	0.9040	0.9581	0.5290	0.1983

Nota: tahap signifikan statistik *** < 0.01, ** < 0.05, * < 0.10

$$\text{Jenis PMAS}_{it} = \beta_1 \text{NegaraJiran}_{it} + \beta_2 \text{KesatuanEropah}_{it} + \beta_3 \text{NegaraLain}_{it} + \beta_4 \text{Indonesia}_{it} + \beta_5 \text{LnSaiz}_{it} + \beta_6 \text{Pertumbuhan}_{it} + \beta_7 \text{PAA}_{it} + \beta_8 \text{Leveraj}_{it} + \beta_9 \text{SaizLP}_{it} + \beta_{10} \text{MesyLP}_{it} + \beta_{11} \text{BebasLP}_{it} + \beta_{12} \text{KualitiAudit}_{it} + c_i + \varepsilon_{it}$$

Dimana: Jenis PMAS = Setiap jenis pendedahan maklumat alam sekitar (skor pendedahan sebenar/ jumlah skor pendedahan); NegaraJiran = Peratus pemilikan oleh pelabur dari Singapura, Malaysia, Thailand dan Brunei ; KesatuanEropah = Peratus pemilikan oleh pelabur dari Kesatuan Eropah; NegaraLain = Peratus pemilikan oleh pelabur dari negara selain negara jiran dan Kesatuan Eropah; Indonesia= Peratus pemilikan oleh pelabur dari Indonesia; LnSaiz = Logaritma asli saiz syarikat (jumlah aset); Pertumbuhan = Pertumbuhan (jualan tahun semasa / jualan tahun sebelum); PAA = Pulangan atas Aset (untung selepas cukai / jumlah aset); Leveraj = Leveraj (jumlah liabiliti/jumlah aset); SaizLP = Saiz lembaga pengarah (Jumlah ahli lembaga pengarah); MesyLP = Ke kerapuhan mesyuarat lembaga pengarah (jumlah mesyuarat lembaga pengarah sepanjang tahun); BebasLP = Kebebasan lembaga pengarah (jumlah ahli pengarah bebas bukan eksekutif/jumlah pengarah); KualitiAudit= Kualiti audit (1 jika Juruaudit luar dari firma Big 4, 0 selainnya).

KESIMPULAN

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab soalan kajian, iaitu “apakah pengaruh pelabur atau pemilikan asing ke atas pendedahan maklumat alam sekitar oleh syarikat kelapa sawit di Indonesia?” Pelabur asing yang dikaji terbahagi kepada tiga kategori iaitu (i) pelabur dari negara jiran yang merangkumi Singapura, Malaysia, Thailand dan Brunei, (ii) pelabur dari Kesatuan Eropah, dan (iii) pelabur dari negara-negara lain. Ujian analisis data panel yang dijalankan mendapati hipotesis pertama iaitu tahap pelaporan maklumat alam sekitar mempunyai hubungan positif dengan pelabur dari negara jiran adalah tidak disokong. Hipotesis kedua iaitu tahap pelaporan maklumat alam sekitar mempunyai hubungan positif dengan pelabur dari Kesatuan Eropah didapati disokong. Manakala hipotesis ketiga yang menyatakan tahap pelaporan maklumat alam sekitar mempunyai hubungan positif dengan pelabur dari negara-negara lain didapati tidak disokong, dan ujian analisis menunjukkan wujudnya hubungan negatif yang signifikan. Hasil kajian ini menunjukkan pihak syarikat menjalankan strategi pelaporan berbeza apabila berdepan dengan pelabur dari blok kawasan berlainan. Syarikat menjalankan strategi legitimasi apabila berdepan dengan pelabur dari Kesatuan Eropah untuk menunjukkan kepatuhan dan komitmen syarikat dalam menjaga alam sekitar bagi memastikan syarikat dapat terus beroperasi dengan baik. Ini kerana, negara-negara Eropah adalah negara yang paling kuat memberi tekanan ke atas industri sawit. Kajian ini mendapati syarikat tidak menjalankan strategi legitimasi apabila berdepan dengan pelabur dari negara-negara lain, mungkin kerana kurang menerima tekanan yang memerlukan kepada peningkatan pelaporan.

Dapatan kajian ini memberi sumbangan signifikan terhadap usaha meningkatkan kelestarian industri sawit. Tidak dinafikan bahawa tekanan yang diterima daripada Kesatuan Eropah amat membimbangkan negara pengeluar minyak sawit khususnya Indonesia yang merupakan pengeluar terbesar dunia. Dari sisi lain, kajian ini membuktikan tekanan ini memberi kesan yang baik dalam usaha menambah baik keberkesanan tadbir urus syarikat kelapa sawit agar kelestarian industri sawit dapat dicapai. Dapatan ini dijangka berguna dalam membantu penetapan polisi yang berkaitan dengan pelaburan asing agar industri sawit bukan sahaja dapat akses kepada sumber modal tetapi juga dapat menangani masalah pencemaran

alam. Dapatan kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada bidang ilmu dengan memberi penjelasan mengenai hubungan antara pelaporan maklumat alam sekitar dan kumpulan pelabur asing yang berbeza.

Kajian ini walau bagaimanapun mempunyai beberapa limitasi. Pertama, kajian ini dijalankan ke atas syarikat kelapa sawit bagi tempoh 5 tahun iaitu bermula tahun 2013, iaitu tahun dimana berlakunya jerebu terburuk di Asia Tenggara sehingga tahun 2017. Sedangkan, kejadian jerebu telah berlaku sejak tahun 1997 lagi. Pemerhatian dalam tempoh yang lebih panjang dijangka akan mendapat hasil kajian yang lebih baik. Kedua, kajian ini mempunyai limitasi dari segi jumlah sampel. Kajian ini mengambilkira syarikat kelapa sawit yang tersenarai di Bursa Efek Indonesia sahaja sedangkan, terdapat banyak syarikat kelapa sawit yang beroperasi di Indonesia tetapi tersenarai di bursa lain seperti syarikat Wilmar International Limited yang tersenarai di Singapore Stock Exchange dan Sime Darby Plantation Berhad yang tersenarai di Bursa Malaysia. Kajian akan datang boleh mengkaji semua syarikat kelapa sawit yang beroperasi di Indonesia, tanpa mengira dimana ia tersenarai agar masalah pencemaran yang berpunca daripada aktiviti industri sawit di Indonesia dapat dikurangkan. Ketiga, kajian ini mengandaikan bahawa semua pelabur dari blok kawasan geografi yang sama adalah homogen dalam semua aspek, walaupun secara berasingan mereka mempunyai jumlah pemilikan yang berbeza dan keupayaan untuk mempengaruhi yang berbeza, seperti Singapura dan Malaysia. Keempat, kajian ini telah memasukkan Brunei dan Thailand dalam definisi negara jiran, namun, data kajian menunjukkan tiada pelabur dari negara tersebut telah dikenalpasti. Justeru, dapatan berkenaan negara jiran perlu dilihat dalam skop dua buah negara sahaja iaitu Singapura dan Malaysia. Kelima, kajian ini tidak mengambilkira faktor risiko litigasi dalam model kajian disebabkan masalah pengukuran dan pengumpulan data. Data risiko litigasi adalah maklumat dalaman syarikat yang sukar diakses dan perlu kepada kajian berasingan. Kajian akan datang boleh mengambilkira aspek risiko ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih di atas sokongan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan melalui geran penyelidikan PP-FEP-2020.

RUJUKAN

- Abdullah, M., Abdul Shukor, Z., Ahmad, A., & Muhammadun Mohamed, Z. 2015. Risk management disclosure: A study on the effect of voluntary risk management disclosure toward firm value. *Journal of Applied Accounting Research* 16(3): 400–432.
- Abdullah, M., Abdul Shukor, Z., & Rahmat, M. M. 2017. The influences of risk management committee and audit committee towards voluntary risk management disclosure. *Jurnal Pengurusan* 50: 83–95.
- Abdullah, M., Hamzah, N., Mohd-Ali, H., Tseng, M., & Brander, M. 2020. The Southeast Asian haze : The quality of environmental disclosures and firm performance. *Journal of Cleaner Production* 246: 1–11.
- Ab-Ghani, M., & Keliwon, K. 2019. Pelaporan Maklumat Alam Sekitar Melalui Atas Talian dan Nilai Firma. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 12, 13-24.
- Bokpin, G. A. 2013. Determinants and value relevance of corporate disclosure: Evidence from the emerging capital market of Ghana. *Journal of Applied Accounting Research* 14(2): 127–146.
- Choiruzzad, S. A. B. 2019. Save Palm Oil, Save the Nation: Palm Oil Companies and the Shaping of Indonesia's National Interest. *Asian Politics and Policy* 11(1): 8–26.
- Chou, H.-I., Chung, H., & Yin, X. 2013. Attendance of board meetings and company performance: Evidence from Taiwan. *Journal of Banking & Finance* 37(11): 4157–4171.
- Clarkson, P. M., Li, Y., Richardson, G. D., & Vasvari, F. P. 2008. Revisiting the relation between environmental performance and environmental disclosure: An empirical analysis. *Accounting, Organizations and Society* 33(4–5): 303–327.
- Cramb, R., & McCarthy, J. F. 2016. Introduction. In R. Cramb & J. F. McCarthy (Eds.), *The Oil Palm Complex: Smallholders, Agribusiness and the State in Indonesia and Malaysia* (pp. 1–26). Singapore: NUS Press.
- Cramb, R., & McCarthy, J. F. 2016. Conclusion. In R. Cramb & J. F. McCarthy (Eds.), *The Oil Palm Complex: Smallholders, Agribusiness and the State in Indonesia and Malaysia* (pp. 442–464). Singapore: NUS Press.
- European Parliament. 2017. *Palm oil and deforestation of rainforests. Official Journal of the European Union.*
- Firdaus, M., Kamello, T., Saidin, O. K., & Sunarmi. 2020. Obligations of Indonesian Sustainable Palm Oil (ISPO) certification for oil palm plantation companies in North Sumatera to support sustainable development. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* 452(1).
- Gaveau, D. L. A., Salim, M. A., Hergoualc'H, K., Locatelli, B., Sloan, S., Wooster, M., ... Sheil, D. 2014. Major atmospheric emissions from peat fires in Southeast Asia during non-drought years: Evidence from the 2013 Sumatran fires. *Scientific Reports* 4: 1–7.
- Grauel, J., & Gotthardt, D. 2016. The relevance of national contexts for carbon disclosure decisions of stock-listed companies: a multilevel analysis. *Journal of Cleaner Production* 133: 1204–1217.
- Grayson, J., & Stampe, J. 2012. *Palm Oil Investor Review: Investor Guidance on Palm Oil. The Role of Investors in Supporting the Development of a Sustainable Palm Oil Industry. World Wide Fund for Nature (WWF).*
- Greene, W. H. 2008. *Econometric Analysis. Pearson, Prentice Hall* (6th ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Guadalupe, G. A., Lerma-García, M. J., Fuentes, A., Barat, J. M., Bas, M. del C., & Fernández-Segovia, I. 2019. Presence of palm oil in foodstuffs: consumers' perception. *British Food Journal* 121(9): 2148–2162.
- Hahn, R., & Kühnen, M. 2013. Determinants of sustainability reporting: A review of results, trends, theory, and opportunities in an expanding field of research. *Journal of Cleaner Production* 59: 5–21.
- Hamzah, N., & Abdullah, M. 2018. Stakeholder Power towards Corporate Social and Environmental Responsibility Disclosure: Evidence from Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance* 10: 1-10.
- Hidayat, N. K., Offermans, A., & Glasbergen, P. 2018. Sustainable palm oil as a public responsibility? On the governance capacity of Indonesian Standard for Sustainable Palm Oil (ISPO). *Agriculture and Human Values* 35(1): 223–242.
- Hoque, M. Z., Islam, M. R., & Azam, M. N. 2013. Board Committee Meetings and Firm Financial Performance: An Investigation of Australian Companies. *International Review of Finance* 13(4): 503–528.
- Huafang, X., & Jianguo, Y. 2007. Ownership structure, board composition and corporate voluntary disclosure: Evidence from listed companies in China. *Managerial Auditing Journal* 22(6): 604–619.
- Jaffar, R., Hassan, M. S., & Muhamad, N. 2010. Peranan Etika dalam Pelaporan Maklumat Alam Sekitar di Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 31: 13–27.
- Karuniyanti, D. E. D., & Santosa, Y. 2019. Does oil palm plantation establishment cause loss/gain of bird species? (Case study: KGP oil palm plantation, West Kalimantan). *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 336(1).
- Khlif, H., Ahmed, K., & Souissi, M. 2017. Ownership structure and voluntary disclosure: A synthesis of empirical studies. *Australian Journal of Management* 42(3): 376–403.
- Kothari, S. P., Shu, S., & Wysocki, P. D. 2009. Do managers withhold bad news? *Journal of Accounting Research* 47(1): 241–276.
- Lee, J. S. H., Jaafar, Z., Tan, A. K. J., Carrasco, L. R., Ewing, J. J., Bickford, D. P., ... Koh, L. P. 2016. Toward clearer skies: Challenges in regulating transboundary haze in Southeast Asia. *Environmental Science and Policy* 55: 87–95.
- Maddox, D. 2018. 'Discrimination !' EU preparing for TRADE WAR with south east Asia by banning palm oil. *Express. United Kingdom.* Retrieved from <https://www.express.co.uk/news/politics/905636/european-union-palm-oil-ban-trade-south-east-asia-malaysia-indonesia>
- McCarthy, J. F., & Cramb, R. A. 2009. Policy narratives, landholder engagement, and oil palm expansion on the Malaysian and Indonesian frontiers. *Geographical Journal* 175(2): 112–123.
- Meijaard, E., Garcia-Ulloa, J., Sheil, D., Wich, S. A., Carlson, K. M., Juffe-Bignoli, D., & Brooks, T. M. 2018. *Oil palm and biodiversity: A situation analysis by the IUCN Oil Palm Task Force.* Retrieved from Gland, Switzerland: 10.2305/IUCN.CH.2018.11.en
- Melot, C. 2019. Improving tracking of transparency and progress: Updates to SPOTT assessments. <https://www.spott.org/news/improving-tracking-of-transparency-and-progress-updates-to-spott-assessments/> (accessed on Retrieved 31 August 2020)

- Monteiro, S. M. da S., & Aibar-Guzmán, B. 2010. Determinants of environmental disclosure in the annual reports of large companies operating in Portugal. *Corporate Social Responsibility and Environmental Management* 17(4): 185–204.
- Munthe, B. C. 2016. Indonesia's Sampoerna Agro fined record sum for 2014 forest fires. *Reuters*. <http://www.reuters.com/article/us-sampoerna-agro-fine/indonesias-sampoerna-agro-fined-record-sum-for-2014-forest-fires-idUSKCN10Q0YN>
- Ong, T. S., Ng, Y. H., Teh, B. H., Kasbun, N. F., & Kwan, J. H. 2019. The Relationship between Corporate Governance Attributes and Environmental Disclosure Quality of Malaysian Public Listed Companies. *Asian Journal of Accounting and Governance* 12: 1-12.
- Padfield, R. 2017. *The Haze Problem in Southeast Asia: Palm Oil and Patronage* Helena Varkkey. Routledge, Abingdon and New York, 2016, pp. xvi + 227 (ISBN 978-1-138-85864-0): Book Review. *Singapore Journal of Tropical Geography* 38(1): 143–147.
- Purnomo, H., Okarda, B., Dewayani, A. A., Ali, M., Achdiawan, R., Kartodihardjo, H., ... Juniwati, K. S. 2018. Reducing forest and land fires through good palm oil value chain governance. *Forest Policy and Economics* (January): 0–1.
- Radhouane, I., Nekhili, M., Nagati, H., & Paché, G. 2018. Customer-related performance and the relevance of environmental reporting. *Journal of Cleaner Production* 190: 315–329.
- Ramasamy, M., Chen, S., & Rusmana, Y. 2013. Malaysia Imposes Emergency in Haze Areas; Singapore Improves. *Bloomberg*. <http://www.bloomberg.com/news/2013-06-23/malaysia-imposes-emergency-in-haze-areas-singapore-improves-1-.html>
- Rejeki, S. S. S., & Santosa, Y. 2019. Impact of oil palm plantation on herpetofauna species diversity at PT Waimusi Agroindah South Sumatera. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* 336(1).
- Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO). 2018. *Principles and criteria for the production of sustainable palm oil 2018*. Retrieved from Kuala Lumpur: http://www.rspo.org/file/RSPO_P&C2013_with_Major_Indicators_Endorsed_by_BOG_FINAL_A5_25thApril2014.pdf
- Sjahza, A., & Asmit, B. 2019. Regional economic empowerment through oil palm economic institutional development. *Management of Environmental Quality: An International Journal* 30(6): 1256–1278. Retrieved from <https://doi.org/10.1108/MEQ-02-2018-0036>
- Skinner, D. J. 1996. Are disclosures about bank derivatives and employee stock options 'value-relevant'? *Journal of Accounting and Economics* 22: 393–405.
- Soedomo, S. 2019. Impacts of oil palm plantation on the livelihood of the local communities and the conservation area. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* 336(1).
- Spencer, E., Guindon, M., & Melot, C. 2019. *Palm Oil: A business case for sustainability*. Retrieved from London: SPOTT, & ZSL. 2018. *Sustainable Palm Oil & Responsible Investment*. Retrieved from London: <https://www.spott.org/news/sustainable-palm-oil-responsible-investment/>
- Sylvia, N., Yunardi, Husin, H., & Muslim, A. 2020. CO2 emission management in palm oil industries in Indonesia: A review. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering* 845(1).
- The Jakarta Post. 2015. Record fine against plantation company upheld. *The Jakarta Post*. Retrieved from <http://www.thejakartapost.com/news/2015/09/13/record-fine-against-plantation-company-upheld.html>
- Thomson, I., & Bebbington, J. 2005. Social and environmental reporting in the UK: A pedagogic evaluation. *Critical Perspectives on Accounting* 16(5): 507–533.
- United States Department of Agriculture (USDA). 2019. Palm Oil Imports by Country in 1000 MT - Country Rankings. *Index Mundi*. <https://www.indexmundi.com/agriculture/?commodity=palm-oil&graph=imports>
- Varkkey, H. 2013. Malaysian investors in the Indonesian oil palm plantation sector: Home state facilitation and transboundary haze. *Asia Pacific Business Review* 19(3): 381–401.
- Varkkey, H., Tyson, A., & Choiruzzad, S. A. B. 2018. Palm oil intensification and expansion in Indonesia and Malaysia: Environmental and socio-political factors influencing policy. *Forest Policy and Economics* 92(July): 148–159.
- Wilcove, D. S., & Koh, L. P. 2010. Addressing the threats to biodiversity from oil-palm agriculture. *Biodiversity and Conservation* 19(4): 999–1007.
- Zoological Society of London -ZSL. 2017. Hidden Land , Hidden Risks ? London. http://www.spott.org/wp-content/uploads/sites/3/2017/05/Hidden-Land_Hidden-Risks.pdf

Maizatulkama Abdullah
 Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi Selangor
 MALAYSIA
 E-mail: maizatul@ukm.edu.my

Noradiva Hamzah
 Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi Selangor
 MALAYSIA
 E-mail: adibz@ukm.edu.my

Intan Maiza Abd Rahman*
 Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi Selangor
 MALAYSIA
 E-mail: intanmaiza@ukm.edu.my

* Penulis koresponden